

Kerajaan dalam rundingan untuk dapatkan vaksin J&J - Khairy

Hasimi Muhamad

Februari 17, 2021 13:53 MYT



Khairy Jamaluddin berkata, rundingan untuk mendapatkan bekalan vaksin daripada syarikat Johnson & Johnson setakat ini menunjukkan perkembangan yang baik. - Gambar fail

PUTRAJAYA: Kerajaan dalam rundingan untuk menambah perolehan bekalan vaksin satu dos suntikan daripada syarikat Johnson & Johnson (J&J) dari Amerika Syarikat (AS).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin berkata, rundingan untuk mendapatkan bekalan vaksin daripada syarikat tersebut dari segi maklumat klinikal menunjukkan perkembangan yang baik.

Berita Berkaitan

Lagi

MALAYSIA

**Masjid di Perlis
dibuka sepenuhnya
bermula esok**

Menurut beliau, Jemaah Kabinet telah membuat keputusan berdasarkan syor daripada Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) untuk membeli vaksin berkenaan.



MALAYSIA

0:55

Banteras Rasuah |
Pemimpin parti
politik ditahan, SPRM
rampas wang

MALAYSIA

2:44

Politik Tempatan |
Tiga penjuror, senario
alah bias tegal biasa

MALAYSIA

2:52

Kes Rasuah | Apa
nasib Rosmah
Mansor?

MALAYSIA

1:12

Isu PdPR | Lewat
hantar tugas gara-
gara internet lemah

Berita Terkini

[Lagi](#)

BISNES

Ringgit dibuka tinggi
sedikit berbanding
dolar AS pagi ini

MALAYSIA

Masjid di Perlis
dibuka sepenuhnya
bermula esok

MALAYSIA

Rasuah projek hibrid
solar: Rosmah diarah
bela diri

MALAYSIA

COVID-19: N.
Sembilan dan
Sarawak catat
kebolehjangkitan
tertinggi

MALAYSIA

Kerajaan negeri perlu
keluar arahan henti
aktiviti korek pasir
Sungai Kelantan

[SIDANG MEDIA] Pasukan petugas khas imunisasi

“Jadi masih dalam rundingan dan saya difahamkan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba akan menandatangani kontrak untuk memperolehi (vaksin) dan selepas itu baru ia akan dihantar untuk penilaian

Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA),” katanya dalam sidang media Penyelarasan Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) di sini, pada Rabu.

Mengulas lanjut, Khairy yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan berkata, Malaysia masih kekal

Dapatkan
berita terkini
melalui emel
anda



Emel Anda

DAFTAR

dengan pendekatan di mana penerima dos pertama vaksin perlu menerima suntikan kedua.

Katanya, penerima suntikan pertama vaksin Pfizer akan diberikan suntikan dos kedua dalam tempoh 21 hari.

"Kita tidak seperti berlaku di negara-negara lain seperti United Kingdom (UK), di mana mereka telah melanjutkan tempoh untuk menerima dos kedua AstraZeneca daripada sebelum sampai sekarang antara sembilan hingga 12 minggu.

"Sebab pendekatan di UK adalah untuk memberikan seramai mungkin sekurang-kurangnya satu dos. Tetapi Malaysia tidak mengambil pendekatan yang sama. Kita mengambil kira apa yang pengeluaran vaksin telah sarankan iaitu 21 hari selepas dos pertama," jelas beliau lagi.

Malaysia akan menerima bekalan vaksin daripada syarikat vaksin Pfizer-BioNTech pada 21 Februari ini.

Setakat ini, Malaysia telah membuat pembelian awal daripada lima syarikat pengeluaran vaksin dan hanya Pfizer yang memperolehi kelulusan bersyarat daripada NPRA.

Sementara empat lagi iaitu Sinovac Life Sciences Co Ltd (Sinovac); CanSinoBIO; AstraZeneca; serta Sputnik V masih sedang diproses untuk kelulusan NPRA.

[#vaksin](#) [#bekalan vaksin](#) [#satu dos suntikan](#)
[#Johnson & Johnson](#) [#Khairy Jamaluddin](#)

[POLISI PRIVASI](#) [TERMA PENGGUNAAN](#) [PELABUR](#)